

23 NOV 2000

Mahathir-Keganasan

RAKYAT MALAYSIA HARUS SOKONG UNDANG-UNDANG YANG TEGAS

BANGI, 23 Nov (Bernama) -- Rakyat Malaysia harus menyokong undang-undang awam yang tegas selagi wujudnya bahaya pertembungan sosial dan politik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata: "Adalah diakui semua undang-undang perlu dihalusi dan diperbaiki dari semasa ke semasa. Ini bermakna undang-undang kita perlu selaras dengan perubahan."

"Tetapi selagi bahaya pertembungan sosial dan politik masih jelas wujud, yang kemungkinan berpunca daripada penyalahgunaan agama bagi kepentingan politik, rakyat Malaysia harus menyokong undang-undang awam yang tegas," katanya dalam ucap terna di perasmian persidangan "Kekejaman dan Keganasan Politik" di sini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

Dr Mahathir berkata undang-undang berkaitan yang memberi jaminan keselamatan negara dan ketenteraman awam, harus dilihat dan dihargai daripada perspektif ini.

Persidangan satu hari itu dianjurkan oleh Institut Antarabangsa Dasar dan Pengurusan Awam (INPUMA) Universiti Malaya dan Bahagian Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata Malaysia patut memelihara rapi keharmonian antara kaum, agama dan budaya.

Jika keseimbangan dan keharmonian antara kaum, agama dan budaya di Malaysia runtuh maka berakhirilah keharmonian dan kedamaian di negara ini, katanya.

Beliau berkata melalui dasar pembangunan baru, kerajaan berusaha memperluaskan peluang ekonomi supaya program pengagihan dapat diuruskan dalam sebuah ekonomi yang berkembang, oleh itu usaha-usaha pembangunan boleh memberi manfaat kepada semua.

Namun begitu beliau berkata: "di sebalik kejayaan kita membina negara, jurang keagamaan dan etnik akan terus memberi cabaran kepada kita.

"Sentimen kaum dan dogma agama masih merupakan pengaruh yang kuat di Malaysia yang boleh menjejaskan dan membahayakan keharmonian kaum," katanya.

Dr Mahathir berkata malahan politik agama telah banyak menimbulkan kesusahan dan penderitaan di Malaysia.

Perbalahan dan perpecahan yang berpunca daripada salah tafsiran terhadap rukun tertentu agama telah menyebabkan perpecahan berlaku di kalangan umat Islam seperti yang dapat dilihat daripada beberapa kejadian baru-baru ini dalam negara, katanya.

Politik membenci yang berpunca daripada ketaksuban agama telah menimbulkan kemungkinan yang menakutkan.

"Apabila seorang Islam menggelar seorang Islam yang lain sebagai kafir hanya kerana orang yang kononnya kafir ini tidak mengikut jenis acuan politik-agama mereka akan akhirnya membawa kepada manifestasi keganasan dan akhirnya kekejaman.

"Kita tidak mahu terperangkap dengan sebarang kecenderungan terhadap keganasan. Adalah sukar dan bukan mudah untuk menghapuskan budaya keganasan jika ia telah bertapak. Akhirnya negara yang menderita berikutan keganasan yang berterusan akibat kumpulan yang berbeza berebutkan kuasa," katanya.

Dr Mahathir berkata ancaman sebenar keselamatan negara dan kestabilan politik ialah cita-cita dan rancangan yang tidak terkawal mereka yang

berhasrat menjadi pemimpin politik yang akan menggunakan apa jua cara termasuk menggunakan keganasan bagi memenuhi cita-cita peribadi mereka untuk memegang kuasa di negara ini.

Katanya para pemimpin ini mungkin akan membangkitkan masalah, isu, dan memberikan pilihan serta pendapat dengan hasrat untuk memesonkan melalui kaedah yang tidak mengikut undang-undang dan tindakan sedemikian mungkin mencetuskan bantahan dan keganasan di kalangan pengikut mereka.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak dapat menerima keganasan sebagai penyelesaian yang munasabah terhadap semua masalah dan Malaysia telah menerima prinsip kerajaan berpelembagaan dan demokrasi berparlimen.

"Di Malaysia rakyat berhak untuk menentang dan menyuarakan pendapat yang berbeza. Penentang dan pembangkang mempunyai hak tetapi kerajaan tidak boleh lari daripada tanggungjawab dan tugas utamanya memelihara keamanan serta menegakkan undang-undang dan peraturan sebagai mandat daripada majoriti.

"Kita tidak boleh membenarkan rakyat mengeksploit isu-isu sensitif agama dan kaum kerana tindakan sedemikian boleh memarakkan api kaganasan dan konflik dan seterusnya memusnahkan semua benda yang sudah kita bentuk dan bina sejak mencapai kemerdekaan," katanya.

Beliau berkata prinsip tunggal demokrasi berparlimen yang kita harus terima ialah keperluan menubuhkan kerajaan yang sah, sebuah kerajaan yang dipilih rakyat, sebuah kerajaan yang ditubuhkan untuk mentadbir serta berkhidmat bagi memenuhi kehendak dan kepentingan rakyat serta negara.

"Apa yang perlu ditekankan ialah dalam sistem demokrasi kita, kerajaan boleh ditukar melalui proses pilihan raya. Perubahan itu adalah sah dan mengikut undang-undang hanya jika ia dilaksanakan melalui proses yang sah," katanya.

-- BERNAMA
APG GM RON